

# Bantu proses ICoE-Rel, UTHM terima geran RM1j



Antara pameran produk inovasi dalam R&I Festival 2017.

**BAGI** membantu proses transformasi global pengangkutan rel di Malaysia, Pusat Kecemerlangan Industri-Rel (ICoE-Rel), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menerima geran bernilai RM1 juta daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Replika cek tersebut telah diserahkan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir kepada Naib Canselor UTHM, Profesor Dr. Wahid Razzaly ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Research and Innovation Festival (R&I) pada 22 November lalu di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk.

UTHM dipilih KPT menjadi universiti peneraju bagi ICoE-Rel kerana sebelum ini universiti ini telah mempunyai kepakaran dan pengalaman mengendalikan program

Sarjana Sains Kejuruteraan Pengangkutan Rel sejak 2012.

Di dewan sama turut diadakan pameran produk inovasi dalam R&I Festival 2017.

Penganjuran festival ini menjadi platform kepada universiti untuk mengenal pasti hasil penyelidikan dan inovasi berkualiti serta mempunyai potensi untuk diketengahkan ke pertandingan dan pameran penyelidikan di dalam maupun luar negara, seterusnya dikomersialkan bagi kegunaan industri, agensi kerajaan maupun masyarakat.

R&I Fest pada kali ini telah berjaya mengumpul sebanyak 174 produk untuk dipertandingkan mengikut kategori staf, pelajar serta sekolah dengan penilaian berteraskan tiga bidang iaitu *Applied Research, Fundamental Research* dan *Innovative Product Research*.